itu, selaras dengan keperluan semasa, kemudahan komunikasi telah ditakrifkan sebagai satu bentuk kemudahan asas, sama seperti dengan kemudahan elektrik, air, pembetungan dan lain-lain lagi.

Bagi memastikan penyediaan kemudahan komunikasi yang sempurna kepada pengguna, para pemaju hartanah amnya disyaratkan untuk menyediakan kemudahan prasarana komunikasi di dalam kawasan pemajuan masing-masing. Kos penyediaan prasarana tersebut adalah di bawah tanggungjawab para pemaju sama seperti kos penyediaan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Pada masa yang sama, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menggalakkan sebarang pendekatan yang menguntungkan kedua-dua belah pihak iaitu antara pihak pemaju hartanah dan pihak penyedia kemudahan rangkaian, selagi mana ianya tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang sedia ada. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bagi memastikan para pengguna dan pembeli hartanah amnya dapat menikmati manfaat kemudahan komunikasi yang berkualiti dan sempurna.